

20/02/1999

Kerajaan negeri bebas tadbir Sabah: Dr M

KENINGAU, Jumaat - Kerajaan Pusat memberi kebebasan sepenuhnya kepada kepimpinan kerajaan negeri mentadbir Sabah, termasuk membela dan melindungi hak dan kepentingan rakyatnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menegaskan perlunya hubungan dan kerjasama erat kerajaan negeri dan Persekutuan dipertahankan, Perdana Menteri mengulangi yang Kerajaan Pusat tidak ada niat buruk terhadap Sabah.

Menurutnya, walaupun Kerajaan Pusat memang mempunyai kuasa untuk mencampuri urusan pentadbiran negeri Sabah, ia tidak berniat berbuat demikian.

"Bukan niat Kerajaan Pusat untuk merebut kuasa, melainkan memupuk perkongsian kuasa.

"Kalau kita hendak, kita boleh adakan undang-undang yang akan menyebabkan Sabah diperintah terus oleh Kerajaan Pusat, mungkin melalui seorang Gabenor yang dilantik dari Semenanjung. Tetapi tiada niat sama-sekali untuk berbuat demikian.

"Sebaliknya pemerintahan di negeri ini dilakukan oleh penduduk Sabah sendiri. Daripada Gabenor, Ketua Menteri sehingga kepada semua wakil rakyat, semuanya terdiri daripada rakyat Sabah yang dipilih rakyat," katanya berucap di majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Masyarakat Keningau di sini hari ini.

Penjelasan Dr Mahathir di hadapan kira-kira 5,000 rakyat pelbagai kaum itu, sekali gus menolak dakwah pembangkang kononnya Kerajaan Pusat cuba merampas kuasa dan hak rakyat negeri ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Joseph Kurup dan Datuk Osu Sukam serta beberapa menteri Kabinet negeri dan Persekutuan.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Sabah berucap hampir sejam, menghuraikan pentingnya kerjasama kerajaan negeri dan Pusat untuk kesejahteraan hidup rakyat.

Beliau meminta rakyat supaya menghayati falsafah dan konsep kerajaan Barisan Nasional (BN) yang sudah teruji dan terbukti berkesan untuk negara ini.

Menurutnya, keadaan di negara ini lebih aman walaupun masyarakatnya pelbagai kaum berbanding beberapa negara lain.

Sambil mengajak rakyat menghayati falsafah 'bersatu teguh, bercerai roboh', Perdana Menteri berkata perpaduan dan keharmonian kaum adalah prasyarat untuk mencapai kemajuan.

Beliau memuji pentadbiran negeri Sabah yang berjaya membawa banyak perubahan untuk negeri ini sejak BN memerintah pada 1994.

Malah, kata Perdana Menteri, dalam suasana kegawatan ekonomi pun, Sabah masih mencatat pertumbuhan menggalakkan tahun lalu, manakala pertumbuhan tahun ini diramal meningkat kepada 3.2 peratus.

(END)